



**PROSES PERTIMBANGAN PEDAGOGI GURU PERAKAUNAN SEMASA
PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERJARAK
KECEMASAN**

Oleh

NOR IDAYU BINTI AZMI

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Julai 2024

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**PROSES PERTIMBANGAN PEDAGOGI GURU PERAKAUNAN SEMASA
PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERJARAK
KECEMASAN**

Oleh

NOR IDAYU BINTI AZMI

Julai 2024

Pengerusi : Suhaida binti Abdul Kadir, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Pengajaran bersemuka merupakan pendekatan pedagogi dominan yang digunakan dalam kalangan guru Perakaunan. Bagaimanapun, guru Perakaunan lebih selesa menggunakan pengajaran bersemuka berbanding Pengajaran Berjarak Kecemasan (PBK) atau dikenali sebagai *Emergency Remote Teaching (ERT)* kerana mata pelajaran ini mempunyai nombor, formula dan proses bagi melengkapkan suatu kitaran perakaunan. Perubahan drastik pada Mac 2020 menyebabkan guru Perakaunan perlu melaksanakan proses membuat pertimbangan dan penaaakulan pedagogi kerana PBK merupakan pendekatan pengajaran apabila berlaku pandemik Covid-19. Perubahan pedagogi drastik akibat pandemik adalah bukan sesuatu yang mudah dan kompleks untuk dilaksanakan kerana kekaburan dan ketidakpastian dalam melaksanakan pedagogi baharu ini. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk meneroka proses membuat pertimbangan pedagogi guru Perakaunan semasa pelaksanaan PBK. Justeru, tiga persoalan dikaji iaitu: 1) Apakah asas membuat pertimbangan pedagogi guru Perakaunan semasa pelaksanaan PBK?; 2)

Bagaimanakah penaakulan pedagogi guru Perakaunan semasa pelaksanaan PBK?; dan

3) Bagaimanakah ciri pertimbangan guru Perakaunan menyumbang kepada tindakan pedagogi semasa pelaksanaan PBK?. Teori dan model yang mendasari kajian ini adalah Teori Pertimbangan (Weick et al., 2005; Weick, 1995) dan Model Penaakulan Pedagogi dan Tindakan (Model PPT) oleh Shulman (1987).

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kajian kes pelbagai tempat. Pemilihan lokasi di Negeri Sembilan kerana pencapaian Gred Purata Negeri (GPN) dan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) Perakaunan terbaik secara berturut-turut sepanjang tahun 2018-2022 walaupun dalam tempoh pandemik. Seramai sembilan orang guru Perakaunan yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi 10 tahun sehingga tahun 2020 telah dipilih secara pensampelan bertujuan. Data diperoleh melalui kaedah temu bual separa berstruktur, analisis dokumen dan bahan audio visual. Data dianalisis menggunakan analisis tematik dan analisis kandungan digunakan bagi menganalisis dokumen dan bahan audio visual bagi menjawab persoalan kajian.

Dapatan kajian persoalan pertama bagi asas membuat pertimbangan guru Perakaunan semasa pelaksanaan PBK adalah pertimbangan berasaskan kepercayaan diri guru dan pertimbangan berasaskan tindakan pedagogi guru. Manakala, enam tema dapatan kajian persoalan kedua berkaitan penaakulan pedagogi guru Perakaunan semasa pelaksanaan PBK adalah pemahaman guru tentang keperluan pelaksanaan, transformasi bahan dan alat pengajaran secara fleksibel, pelaksanaan pengajaran yang mengandungi pengurusan masa, kaedah dan pendekatan, penilaian pengajaran, refleksi pengajaran dan pemahaman pedagogi baharu. Dapatan kajian persoalan ketiga

iaitu ciri pertimbangan guru Perakaunan yang menyumbang kepada tindakan pedagogi semasa pelaksanaan PBK melalui tujuh tema iaitu pembinaan identiti diri guru, imbas pengalaman bermakna, aktif terhadap persekitaran, pertimbangan sosial guru, tindakan berterusan, pengekstrakan isyarat dan tindakan munasabah guru.

Hasil dapatan kajian mengesahkan teori dan model yang mendasari kajian serta keunikan hasil dapatan adalah melalui pengkhususan tema dan sub tema. Walaupun Teori Pertimbangan Weick dan Model PPT Shulman adalah daripada bidang berbeza, namun dapatan kajian menyumbang kepada pengintegrasian bidang pengurusan organisasi dan pendidikan dalam konteks PBK. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan asas dan ciri pertimbangan menyumbang kepada tindakan pedagogi sistematik dalam Perakaunan melalui Bahagian Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional (BPLTV). Kajian ini turut membentangkan kerangka yang menyumbang kepada penerokaan pengetahuan pertimbangan dan penaakulan pedagogi guru Perakaunan semasa pelaksanaan PBK bagi menghadapi ketidakpastian perubahan pendidikan masa hadapan.

Kata Kunci: Pertimbangan Pedagogi, Guru Perakaunan dan Pengajaran Berjarak Kecemasan

SDG: MATLAMAT 4: Pendidikan Berkualiti

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**PEDAGOGICAL SENSEMAKING PROCESS AMONG ACCOUNTING
TEACHERS IN THE IMPLEMENTATION OF EMERGENCY REMOTE
TEACHING AND LEARNING**

By

NOR IDAYU BINTI AZMI

July 2024

Chairman : Suhaida binti Abdul Kadir, PhD
Faculty : Educational Studies

Face to face approach is the dominant approach that has been used by accounting teachers. However, accounting teachers are more comfortable to use the face-to-face approach than the online approach or Emergency Remote Teaching (ERT) because this subject involves numbers, formulas, and processes in completing an accounting cycle. ERT is a pedagogical approach used by teachers during the Covid-19 pandemic. Implementing a drastic pedagogical change due to pandemic is not easy and is complicated causing of uncertainty and ambiguity among accounting teachers in implementing this new pedagogical approach. Therefore, this study aims to explore the pedagogical sensemaking process among accounting teachers in the implementation of ERT. This study has three research questions, namely 1) What are the bases of sensemaking accounting teachers' during the implementation of ERT?; 2) How the pedagogical reasoning of accounting teachers during the implementation of ERT; and 3) How do the sensemaking properties of accounting teachers contribute to pedagogical actions during the implementation of ERT?. The theories and model

underlying this study are sensemaking theory (Weick et al., 2005; Weick, 1995) and Model of Pedagogical Reasoning and Action by Shulman (1987).

This study was conducted using qualitative research methods and specifically using a multisite case study approach. The selection of location at Negeri Sembilan is due to achievement of State Average Grade and the best Accounting Subject Average Grade consecutively throughout the years 2018- 2022 even during the pandemic. A total of nine experienced accounting teachers with more than 10 years of teaching experience until 2020 were selected using purposive sampling. Data were collected through semi-structured in-depth interviews, document analysis, and audio-visual materials. Interview data were analysed using thematic analysis and content analysis was used to analyse the documents and audio-visual materials to answer the research questions.

The research finding for the first question found the bases sensemaking of accounting teachers during ERT were teacher self-belief driven and pedagogical action driven. Meanwhile, six themes for second research findings of pedagogical reasoning employed by accounting teachers while implementing ERT, namely teacher's understanding about the need to implement; flexible transformation of teaching materials and tools; implementation of teaching that contains time management, methods, and approaches; teaching evaluation; teaching reflection; and teacher's new pedagogic understanding. The research finding for the third question found that the accounting teacher's properties of sensemaking that contribute to the pedagogical actions during the ERT implementation through seven themes namely building teacher's self-identity, reflect meaningful experiences, active towards the

environment, teacher's social, ongoing action, extracting cues, and teacher's plausibility action.

The research findings confirm the theory and model underlying this study and the uniqueness of the finding is through the specialization of themes and sub themes. Although Weick's Sensemaking Theory and Model of Pedagogical Reasoning and Action by Shulman are from different field, the findings of the study contribute to the integration between organizational management and education field in the context of ERT. The findings of the study highlight the pedagogical sensemaking process contributes the systematic pedagogical actions in accounting through the Technical and Vocational Education and Training field (TVET). This study also contributes to the exploration of teachers' pedagogical reasoning during the ERT implementation to face uncertainties pertaining educational changes in the future.

Keywords: Pedagogical Sensemaking, Accounting Teachers and Emergency Remote Teaching

SDG: GOAL 4: Quality Education

PENGHARGAAN

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA

PENYAYANG

SELAWAT DAN SALAM BUAT RASUL JUNJUNGAN MULIA

Alhamdulillah syukur, segala puji bagi Allah S.W.T yang telah memberikan nikmat kekuatan, rezeki dan ilham kepada saya dalam menghasilkan tesis ini. Sesungguhnya, tesis ini berjaya dilengkapkan dengan berkat bimbingan, panduan dan dorongan serta bantuan daripada pelbagai pihak. Saya ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua individu yang terlibat secara langsung atau secara tidak langsung dalam penghasilan tesis ini.

Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada penyelia kajian, Prof Madya Dr. Suhaida binti Abdul Kadir bersama-sama ahli jawatankuasa penyeliaan Dr. Arnida binti Abdullah dan Dr. Siti Noormi binti Alias di atas segala bimbingan, cadangan dan tunjuk ajar yang diberikan. Segala pengorbanan kalian akan terpahat dalam ingatan dan ilmu yang diperolehi dapat dimanfaatkan sebaiknya secara berterusan, In Shaa Allah.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ibunda tercinta, Hajah. Jamilah binti Abdul Latif, ayahanda yang disayangi, Haji Azmi bin Mansor, dan suami serta anak-anak tersayang En. Abdul Hadi bin Amran, Qaisara Amani dan Qisya Az-Zahra yang sentiasa memberi kata-kata semangat dan tanpa henti mendoakan kejayaan bagi meneruskan perjuangan dalam menuntut ilmu ini. Terima kasih juga ditujukan khas

buat sahabat iaitu kekanda Mariani Jaafar dan kekanda Noraliza Selamat kerana sentiasa memberi dorongan sepanjang pengajian ini. Semoga Allah melimpahkan rahmatNya buat kalian di dunia dan di akhirat.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada pihak Universiti Putra Malaysia kerana memberi peluang kepada saya bagi melanjutkan pengajian ke peringkat ini sehingga tamat dengan jayanya. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Bahagian Tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah memberikan pembiayaan sepanjang pengajian ini.

Penghargaan istimewa juga ditujukan kepada sembilan orang guru Perakaunan yang sudi bekerjasama sebagai peserta kajian dan menyumbang idea serta pengalaman mereka dalam melengkapkan kajian ini, syukur Alhamdulillah.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyelidikan adalah seperti berikut:

Suhaida binti Abdul Kadir, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Arnida binti Abdullah, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Siti Noormi binti Alias, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 17 April 2025

JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	ix
PERAKUAN	xi
SENARAI JADUAL	xvii
SENARAI RAJAH	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xix
SENARAI SINGKATAN	xx

BAB

1	PENGENALAN	1
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	1
	1.3 Penyataan Masalah	8
	1.4 Tujuan Kajian	11
	1.5 Persoalan Kajian	11
	1.6 Kepentingan Kajian	11
	1.7 Skop Kajian dan Limitasi Kajian	13
	1.8 Definisi Istilah	15
	1.8.1 Pedagogi	15
	1.8.2 Pertimbangan	16
	1.8.3 Pengajaran Berjarak Kecemasan	19
	1.8.4 Pendidikan Perakaunan	19
	1.9 Rumusan	19
2	SOROTAN LITERATUR	21
	2.1 Pendahuluan	21
	2.2 Pendidikan Digital	21
	2.3 Pengajaran Berjarak Kecemasan	22
	2.4 Penaakulan Pedagogi Semasa Pengajaran	25
	2.4.1 Kajian Lepas Penaakulan Pedagogi dalam Pengajaran	34
	2.4.2 Konsep Pengajaran	36
	2.5 Perkembangan Pendidikan Teknikal dan Vokasional	39
	2.5.1 Latar Belakang Kurikulum Perakaunan	39
	2.5.2 Perkembangan Teknologi Pengajaran Perakaunan BPLTV	45
	2.5.3 Pengajaran Kurikulum Perakaunan dalam Talian	50
	2.5.4 Perubahan Pendekatan Pedagogi Perakaunan	63
	2.6 Konsep Pertimbangan	66
	2.6.1 Definisi Pertimbangan	66
	2.6.2 Asas Pertimbangan	68

2.6.3	Ciri Pertimbangan	72
2.6.4	Proses Pertimbangan	77
2.6.5	Kajian Lepas Pertimbangan dalam Pendidikan	80
2.7	Teori dan Model Kajian	91
2.7.1	Teori Pertimbangan	92
2.7.2	Model Penaakulan Pedagogi dan Tindakan	99
2.7.3	Kerangka Teori Kajian	105
2.8	Kerangka Konseptual Kajian	106
2.8.1	Rumusan	109
3	METODOLOGI KAJIAN	110
3.1	Pendahuluan	110
3.2	Paradigma Kajian	110
3.3	Reka Bentuk Kajian Kualitatif	112
3.4	Kajian Kes Pelbagai Tempat	114
3.5	Pengkaji Sebagai Instrumen Utama	117
3.6	Prosedur Pemilihan Lokasi Kajian	119
3.6.1	Pemilihan Sampel Kajian	121
3.6.2	Kriteria Pemilihan Sampel Kajian	123
3.6.3	Bilangan Peserta Kajian	126
3.7	Kajian Rintis	136
3.8	Pengumpulan Data	138
3.8.1	Temu Bual Separa Berstruktur	138
3.8.2	Analisis Kandungan Dokumen dan Bahan Audio Visual	148
3.9	Penganalisan Data	150
3.9.1	Pengurusan Data	152
3.9.2	Penulisan Transkripsi Temu Bual	155
3.9.3	Penganalisan Temu Bual	156
3.9.4	Penganalisan Kandungan Dokumen dan Bahan Audio Visual	157
3.9.5	Pembentukan Tema	157
3.10	Kesahan dan Kebolehpercayaan	160
3.10.1	Triangulasi	162
3.10.2	Teknik Pemeriksaan Rakan Penyelidik	163
3.10.3	Persetujuan Peserta Kajian	164
3.10.4	Jejak Audit	164
3.10.5	Diari Penyelidikan	165
3.10.6	Keperincian, Kepadatan dan Pengayaan Deskriptif	165
3.11	Bias Pengkaji	166
3.11.1	<i>Peer-debriefing</i> dan Sokongan Jawatankuasa Penyeliaan	166
3.11.2	Analisis Kes bagi Pembentukan Tema	166
3.12	Etika Kajian	167
3.13	Rumusan	170

4	DAPATAN KAJIAN	171
4.1	Pendahuluan	171
4.2	Dapatan Persoalan kajian 1: Apakah Asas Membuat Pertimbangan Pedagogi Guru Perakaunan Semasa Pelaksanaan PBK?	171
4.2.1	Pertimbangan Berasaskan Kepercayaan Diri Guru	172
4.2.2	Pertimbangan Berasaskan Tindakan Pedagogi Guru	178
4.3	Dapatan Persoalan kajian 2: Bagaimanakah Penaakulan Pedagogi Guru Perakaunan Semasa Pelaksanaan PBK	183
4.3.1	Pemahaman Guru terhadap Kehendak Pendidikan Semasa	185
4.3.2	Transformasi Kandungan, Bahan dan Alat Pengajaran Secara Fleksibel	187
4.3.3	Pelaksanaan Pengajaran Guru Meliputi Pengurusan Masa, Kaedah dan Pendekatan	193
4.3.4	Penilaian Pengajaran	203
4.3.5	Refleksi Pengajaran	205
4.3.6	Pemahaman Pedagogi Baharu	206
4.4	Dapatan Persoalan Kajian 3: Bagaimanakah Ciri Pertimbangan Guru Perakaunan Menyumbang kepada Tindakan Pedagogi Semasa Pelaksanaan PBK?	210
4.4.1	Pembinaan Identiti Diri Guru	211
4.4.2	Imbas Pengalaman Bermakna	212
4.4.3	Aktif terhadap Persekitaran	217
4.4.4	Hubungan Sosial Guru	219
4.4.5	Tindak Balas Berterusan	221
4.4.6	Pengekstrakan Isyarat	223
4.4.7	Tindakan Munasabah Guru	225
4.5	Rumusan	227
5	PERBINCANGAN, RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN	228
5.1	Pendahuluan	228
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	228
5.2.1	Perbincangan Dapatan Persoalan Kajian 1: Apakah Asas Membuat Pertimbangan Pedagogi Guru Perakaunan Semasa Pelaksanaan PBK?	228
5.2.2	Perbincangan Dapatan Persoalan Kajian 2: Bagaimanakah Penaakulan Pedagogi Guru Perakaunan Semasa Pelaksanaan PBK?	232
5.2.3	Perbincangan Dapatan Persoalan Kajian 3: Bagaimanakah Ciri Pertimbangan Guru Perakaunan Menyumbang kepada Tindakan Pedagogi Semasa Pelaksanaan PBK?	237
5.3	Rumusan	244
5.4	Kesimpulan	246
5.5	Kerangka Kajian Berdasarkan Dapatan	251
5.6	Implikasi Kajian	255

5.6.1	Implikasi kepada Bidang Ilmu	255
5.6.2	Implikasi kepada Praktis	256
5.6.3	Implikasi kepada Teori	261
5.6.4	Implikasi kepada Model	263
5.7	Sumbangan Kajian	264
5.8	Cadangan Kajian Lanjutan	267
BIBLIOGRAFI		271
LAMPIRAN		288
BIODATA PELAJAR		320
SENARAI PENERBITAN		321



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1 Ringkasan Profil Peserta Kajian	129
2 Teknik Pengumpulan Data (Triangulasi)	144
3 Tema dan Sub Tema yang Diperolehi daripada Transkrip Temu Bual Berdasarkan Persoalan Kajian 1	172
4 Rumusan Hasil Dapatan Persoalan Kajian 1 Berdasarkan Transkrip Peserta Kajian	183
5 Tema dan Sub Tema yang Diperolehi daripada Transkrip Temu Bual Berdasarkan Persoalan Kajian 2	185
6 Rumusan Hasil Dapatan Persoalan Kajian 2 Berdasarkan Transkrip Peserta Kajian	209
7 Tema dan Sub Tema yang Diperolehi daripada Transkrip Temu Bual Berdasarkan Persoalan Kajian 3	211
8 Rumusan Hasil Dapatan Persoalan Kajian 3 Berdasarkan Transkrip Peserta Kajian	226

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
1 Kerangka Teori Kajian	105
2 Kerangka Konseptual Kajian	107
3 RPH Guru Perakaunan Semasa PBK (PK1/TB1)/DS1)	188
4 RPH Guru Perakaunan Semasa PBK (PK3/TB1/DS2)	189
5 ABM Guru Perakaunan Semasa PBK (PK4/TB2/DS3)	193
6 Keratan Video Pengajaran Semasa PBK (PK5/TB1/DS4)	201
7 Keratan Video Pengajaran Semasa PBK (PK7/TB1/DS5)	201
8 Keratan Refleksi Guru Perakaunan Semasa PBK (PK6/TB1/DS6)	206
9 ABM Guru Perakaunan Semasa PBK (PK4/TB2/DS7)	214
10 Kerangka Kajian Berdasarkan Dapatan	254

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Muka surat
A Protokol Temu Bual	288
B Borang Penerangan dan Persetujuan Responden	293
C Jadual Temu Bual Peserta Kajian	297
D Borang Pemerhatian	298
E Surat Lantikan Pakar	299
F Borang Jawapan Pakar	301
G Surat Kelulusan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan	303
H Surat Kelulusan Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan	304
I Surat Kelulusan Etika Universiti Putra Malaysia	305
J Sampel Transkrip Temu Bual	306
K Sampel Proses Pengekodan dan Pengkategorian dalam ATLAS.ti	307
L Sampel Dapatan Kajian	308
M Nota Lapangan	309
N Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Bil. 16 Tahun 2016	311
O Surat Siaran KPM Bil. 3 Tahun 2020	313
P Surat Siaran KPM Bil. 8 Tahun 2016	315
Q Pemakluman Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah	317
R Soal Jawab Bahagian Perterjemahan, Dewan Bahasa dan Pustaka	319

SENARAI SINGKATAN

PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
TVET	<i>Technical and Vocational Education and Training</i>
PdPr	Pengajaran dan Pembelajaran di rumah
SPM	Sijil Peperiksaan Malaysia
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Penilaian
DPK	Dokumen Penjajaran Kurikulum
MKN	Majlis Keselamatan Negara
Pkp	Perintah Kawalan Pergerakan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
BPLTV	Bahagian Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
IR 4.0	<i>Industrial Revolution 4.0</i>
MPEI	Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas
BDR	Bekerja Dari Rumah
ABM	Alat Bantu Mengajar
BBM	Bahan Bantu Mengajar
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
JPNS	Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar
RMK	Rancangan Malaysia Kedua Belas
PK	Peserta Kajian
TB1/TB2	Temu Bual 1/ Temu Bual 2
DS	Dokumen Sumber

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini menjelaskan tentang latar belakang kajian berkaitan perubahan pendidikan yang terdapat di dalam Bahagian Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional (BPLTV) dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Proses PdP ini melibatkan penaaakulan dan pertimbangan pedagogi guru dalam melaksanakan Pengajaran Berjarak Kecemasan (PBK) iaitu secara dalam talian bagi mata pelajaran Perakaunan. Selain itu, bab ini membincangkan berkenaan penyataan masalah, tujuan dan persoalan kajian, diikuti dengan kepentingan, skop serta limitasi kajian. Bab ini juga menjelaskan tentang definisi istilah dan rumusan berkaitan kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

BPLTV merupakan bidang yang sangat luas yang meliputi aspek pendidikan, latihan dan pembangunan kemahiran yang berkaitan dengan pelbagai bidang pekerjaan seperti perkhidmatan dan pengeluaran (*Organisation Economic Co-operation Development (OECD), 2023*). Tujuan BPLTV dibangunkan adalah untuk menyokong usaha negara anggota dalam usaha melengkapkan golongan belia dan dewasa dengan kemahiran yang diperlukan untuk memasuki bidang pekerjaan, keusahawanan dan pembelajaran sepanjang hayat atau *lifelong learning* (UNESCO, 2022). Hal ini bagi memberi sumbangan kepada pelaksanaan agenda 2030 bagi pembangunan negara mampan secara keseluruhan. Berdasarkan laporan UNESCO (2022), perubahan terhadap dasar BPLTV negara anggota telah mencapai sasarannya. Sepanjang tempoh 2015-2021, seramai 2700 guru dan 5000 pihak berkepentingan BPLTV seperti

pemimpin, pegawai dan pakar daripada sektor swasta telah menghadiri latihan bagi meningkatkan kemahiran sedia ada. Selain itu, 224 institusi BPLTV juga mendapat manfaat dan sokongan daripada pihak UNESCO melalui latihan, pembangunan kapasiti dan perolehan peralatan.

Negara-negara Asean seperti Malaysia, Thailand, Singapura, Indonesia dan Brunei mengambil inisiatif dengan memulihkan ekonomi selepas pandemik dan kadar pertumbuhan purata keluaran dalam negara kasar (KDNK) adalah bertambah baik pada tahun 2023 (OECD, 2023; 2021). Pelbagai perancangan dan dasar kerajaan dibentuk bagi memenuhi matlamat Rancangan Malaysia Ke 12 (RMK-12). Melalui RMK-12, kerajaan berhasrat untuk memperkukuhkan sistem pendidikan dan memperkasakan modal insan bagi memperkaya sumber tenaga kerja yang berkualiti (Unit Perancangan Ekonomi, 2021). Bagi mencapai hasrat tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah diberi peruntukan paling tinggi iaitu sebanyak RM52.6 bilion bagi memastikan segala perancangan yang dirancang di dalam RMK-12 tercapai (Kementerian Kewangan Malaysia, 2021).

Dalam konteks kajian ini, KPM juga berusaha untuk membangunkan BPLTV pada semua peringkat dalam usaha menghasilkan tenaga kerja yang berpengetahuan dan berkemahiran. BPLTV atau lebih dikenali sebagai *Technical and Vocational of Education and Training (TVET)* juga menerima peruntukan sebanyak RM6.6 bilion (Kementerian Kewangan Malaysia, 2021). Perakaunan merupakan antara bidang kerjaya dalam BPLTV yang mampu memberi sumbangan yang signifikan terhadap pembangunan ekonomi negara (BPK, KPM). Melalui agenda pembangunan ekonomi negara tersebut, akauntan memainkan peranan sebagai golongan profesional yang

peka terhadap perubahan global, cekal menghadapi cabaran, mampu menyesuaikan diri dalam dunia perniagaan serta memiliki etika terpuji dan disanjung tinggi dalam kalangan masyarakat. Di Malaysia, profesion Perakaunan mencakupi pelbagai bidang seterusnya membuka peluang kerjaya yang sangat luas serta lumayan kepada para akauntan ini. Bagi melahirkan akauntan ini, KPM mengambil inisiatif dengan memperkenalkan mata pelajaran Perakaunan.

Laman sesawang rasmi BPLTV menawarkan mata pelajaran Perakaunan melalui aliran Perdagangan. Sekolah memperkenalkan mata pelajaran Perakaunan bagi membuka peluang kerjaya yang luas kepada murid seawal peringkat menengah atas. Hal ini merupakan langkah penting kerajaan dalam usaha melahirkan golongan akauntan profesional yang bakal menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara dan mampu berdaya saing pada peringkat antarabangsa. Terdapat empat kelompok elektif yang ditawarkan pada peringkat menengah iaitu sains dan matematik, agama, ikhtisas kemanusiaan dan teknikal di dalam BPLTV. Perakaunan merupakan salah satu mata pelajaran elektif yang ditawarkan dalam aliran ikhtisas kemanusiaan bermula daripada tingkatan 4 pada tahun 2017 (Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 19 Tahun 2016 tentang Pelaksanaan Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas di Peringkat Sekolah Menengah).

Mata pelajaran Perakaunan juga merupakan satu inisiatif dalam menyediakan tenaga kerja mahir seiring dengan kehendak RMK-12. Mata pelajaran ini adalah berteraskan kepada pengetahuan dan kemahiran Perakaunan melalui pendekatan pembelajaran yang bermakna serta kesepaduan melalui teori dan amalan Perakaunan selain dapat melahirkan murid yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan

jasmani. Usaha yang berterusan ini bagi melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan mampu memberi sumbangan kepada kemakmuran negara kelak. Ini merupakan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) Malaysia dan kurikulum yang dihasilkan perlu bertepatan dengan matlamat yang dihasratkan. Selain itu, mata pelajaran Perakaunan juga mendapat pengiktirafan pada peringkat antarabangsa melalui Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM). Pengiktirafan diberi kepada murid yang cemerlang dengan memperoleh dua sijil iaitu SPM dan sijil *London Chambers of Commerce and Industrial* (LCCI). Oleh yang demikian, kepentingan mata pelajaran ini selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) melalui teras pertama iaitu mendapat pengiktirafan pendidikan pada peringkat antarabangsa.

Namun, melihat kepada tuntutan perubahan pendidikan ekoran Pandemik Covid-19 pada Mac 2020, KPM telah membentuk dan melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan penyampaian PdP dapat dilaksanakan secara maksimum. Surat Siaran Bil. 3 Tahun 2020 menetapkan pelaksanaan PdP semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) merupakan antara inisiatif yang dilakukan KPM dengan melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di rumah (PdPR). Surat Siaran Bilangan 3 2020 ini adalah seiring dengan keperluan Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 8 Tahun 2016 berkaitan garis panduan pengurusan dan pembelajaran akibat bencana bertarikh 21 Julai 2016. Keadaan ini menuntut setiap guru melaksanakan PdPR (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Negara lain seperti Jepun, Australia, New Zealand turut melaksanakan PdPR iaitu Pengajaran Berjarak Kecemasan (PBK) atau lebih dikenali sebagai *Emergency Remote Teaching (ERT)* bagi memastikan pembelajaran murid dapat dilaksanakan secara berterusan (The Star, 2020).

Walau bagaimanapun, usaha baik KPM ini berhadapan dengan pelbagai cabaran pada peringkat pelaksanaan iaitu dari segi had rangkaian yang kurang stabil, kekurangan sokongan pentadbiran, kekurangan sumber peranti, kurang kemahiran, pengurusan masa yang lemah, tekanan beban kerja dan masalah teknikal dalam bahasa komputer (Phua et al., 2022; Chuah & Mohamad, 2020; Kalai Selvan, 2020; Tuan Mahyidin & Othman, 2020; Shraim & Khlaif, 2010). Tambahan pula, Alshurafat et al., (2021) dan Ali et al., (2020) menjelaskan bahawa cabaran pengajaran dipengaruhi oleh pandangan guru yang bercampur baur untuk menggunakan medium ini, kesukaran menggunakan teknologi, kekurangan peralatan komputer, hubungan antara guru dengan murid dan persekitaran pembelajaran. Selain itu, cabaran lain yang dihadapi oleh guru dalam menyampaikan pendidikan juga terkait dengan pengetahuan terhadap kandungan dan pengetahuan pedagogi guru itu sendiri (Muhammad Daud, 2019).

Pengetahuan pedagogi dan kandungan merupakan asas kepada penaakulan pedagogi. (Mat Som et al., 2020). Melalui model Penaakulan Pedagogi dan Tindakan (PPT) daripada Shulman (1987) mengemukakan enam aspek iaitu faham, transformasi, ajar, nilai, refleksi dan kefahaman baharu. Kefahaman merupakan peringkat permulaan dan tujuan akhir yang perlu dikuasai secara mendalam oleh seorang guru terhadap pengetahuan pedagogi dan kandungan (Mat Som et al., 2020). Penaakulan pedagogi guru memainkan peranan bagi mencorakkan pengajaran berkesan. Hal ini kerana, kejayaan dan kecemerlangan murid bergantung kepada pengetahuan, kefahaman dan transformasi guru semasa PdP (Mat Som et al., 2021) khususnya apabila perubahan pedagogi berlaku secara drastik.

Proses membuat pertimbangan terhadap perubahan (Weick et al., 2005; Weick, 1995) perlu dilaksanakan bagi mengurangi kesamaran dan ketidakpastian. Perubahan pedagogi secara drastik daripada PdP bersemuka yang menjadi amalan dalam kalangan semua guru (Jamaluddin et al., 2018; Phillipa, 2018; Subramaniam, 2015) kepada pelaksanaan PBK memerlukan guru untuk membuat pertimbangan di dalam penaakulan pedagogi dengan mempertimbangkan asas dan ciri pertimbangan yang menyumbang kepada tindakan pedagogi dalam konteks bilik darjah. Pertimbangan dan penaakulan pedagogi merupakan komponen penting dalam usaha menghasilkan pembelajaran bermakna (Beni et al., 2023; Bumen & Holmqvist, 2022; Nebesniak, 2012).

Perubahan pedagogi ini merupakan perubahan yang sukar iaitu guru dikehendaki membuat pertimbangan dalam memastikan setiap murid dapat menerima pelajaran. Ahmad (2018) turut menyatakan PdP dalam talian berada pada tahap yang sukar di peringkat Institusi Pengajian Tinggi. Tambahan pula, BPLTV menghadapi cabaran khususnya dalam aspek penyampaian PdP, ketidakpadanan teknologi serta jurang pengetahuan dalam kalangan guru (Unit Perancangan Ekonomi, 2021). Perubahan dalam pelaksanaan PBK merupakan cabaran baru yang perlu diharungi oleh guru apabila perlu melalui proses membuat pertimbangan melalui tindakan pedagogi yang berubah secara drastik akibat pandemik Covid-19.

Proses membuat pertimbangan atau (*sensemaking process*) merupakan suatu proses berfikir seseorang dalam memberi makna bagi mentafsir situasi baharu (Weick, 1995). Guru perlu melaksanakan tindakan pedagogi dengan membuat pertimbangan melalui pelbagai ciri seperti pembinaan identiti, pengalaman lepas yang bermakna, konteks

sosial, persekitaran, berterusan, pengekstrakan isyarat dan tindakan munasabah semasa pelaksanaan PBK. Guru juga perlu membuat pertimbangan terhadap pelbagai elemen seperti masa, kesesuaian bahan dan pemilihan pendekatan dalam memastikan keberkesanan proses penyampaian semasa PdP.

Kepercayaan dan tindakan guru merupakan elemen penting melalui asas pertimbangan dalam menyampaikan pengetahuan dan kemahiran melalui proses PdP (Rimbey & Kucan, 2018; Weick, 1995). Pemilihan kaedah pengajaran yang bersesuaian perlu diaplikasikan oleh guru bagi membantu murid untuk menguasai kemahiran abad ke-21 yang memberikan nilai kebolehpasaran yang luas (Ahmad & Azman, 2020; Ngwenya, 2016). Dalam masa sama, kefahaman mengenai mata pelajaran yang diajar serta kaedah pengajaran guru memainkan peranan utama dalam mempengaruhi penglibatan serta prestasi murid dalam peperiksaan (Muhammad Daud, 2019). Ternyata keterbatasan pengetahuan guru memberi kesan langsung terhadap proses PdP.

Proses membuat pertimbangan guru dalam PdP adalah sangat penting kerana pertimbangan guru mempengaruhi tindakan terhadap nilai pembelajaran, cara dan teknik mengajar serta tujuan seseorang guru dalam proses PdP (Flewelling, 2021; Chee, 2017). Tambahan pula, Spillane dan rakan-rakannya (2002) menyatakan proses pertimbangan merupakan proses penilaian idea iaitu proses pemikiran seseorang yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Guru perlu mendalami dan memahami perubahan dan pengaruh terhadap kejayaan serta kegagalan sesuatu perubahan. Penelitian dan tumpuan kepada tujuan dan objektif pengajaran menghasilkan situasi yang menjadikan guru lebih peka terhadap perkara yang diusahakan dan objektif yang ingin

dicapai. Dalam konteks kajian ini, pertimbangan pedagogi guru Perakaunan dikaji secara langsung dan mendalam bagi meneliti perubahan pelaksanaan semasa PBK. Hal ini penting kerana penyampaian pembelajaran bermakna dapat memenuhi tuntutan perubahan pendidikan murid pada masa hadapan. Oleh itu, adalah menjadi keperluan untuk meneroka proses membuat pertimbangan guru Perakaunan semasa pelaksanaan PBK.

1.3 Penyataan Masalah

Perubahan menyebabkan kekaburan dan ketidakpastian dalam melaksanakan sesuatu perkara yang baharu (Flewelling, 2021; Mesa, 2019; Weick, 1995). Perubahan pedagogi guru dalam PdP daripada bersemuka yang dominan dan menjadi kebiasaan (Kalai Selvan, 2018; Siti Faridah & Hartini, 2018; Chong, Mahamod & Hamzah, 2017) kepada PBK berlaku akibat pandemik Covid-19. Tambahan pula, perubahan pedagogi guru bukan suatu yang mudah dan ia merupakan satu perubahan yang sukar (Alshurafat et al., 2021; Feng et al., 2021; Ali et al., 2020) kerana guru perlu cepat menyesuaikan diri dengan penyampaian kandungan pedagogi. Perakaunan merupakan antara mata pelajaran yang memerlukan pengetahuan dan kemahiran guru kerana guru lebih selesa menggunakan PdP secara bersemuka (Skhephe et al., 2020; Stone et al., 2014) berbanding PBK kerana mata pelajaran ini mempunyai nombor, formula dan proses bagi melengkap suatu kitaran perakaunan (Lucas & Meyer, 2005).

Pelbagai cabaran yang dihadapi guru dalam melaksanakan PBK seperti kesukaran mewujudkan komunikasi dua hala, kurang sokongan daripada ibu bapa dan kurang pengetahuan serta kemahiran (Satrianingrum & Prasetyo, 2020; Che Azizan & Mohamad Nasri, 2020) dan terdapat sebilangan murid kurang bermotivasi sehingga

memberi kesan kepada proses tersebut (Day et al., 2020; Marshall & Shannon, 2020). Cabaran turut dihadapi oleh guru Perakaunan semasa PBK adalah kekurangan pengetahuan teknologi, kualiti terhadap penilaian murid, capaian internet yang kurang stabil, penglibatan murid semasa PBK dan gangguan sosial (Tuan Mahyidin & Othman, 2020). Malah, didapati berlaku jurang pengetahuan yang besar mengenai hubungan antara corak pertimbangan guru dengan pelaksanaannya (Mesa, 2019; Lim, 2018; Santos, 2017). Jurang pengetahuan pedagogi amnya serta corak pertimbangan semasa melaksanakan pengajaran merupakan kekangan berkaitan bagaimanakah seseorang guru dapat membentuk idea pengajaran, strategi, aktiviti dan pengalaman yang membolehkan guru membuat keputusan tentang sesuatu perubahan (Lim, 2018) dalam pedagoginya.

Transformasi pendidikan terhadap perubahan pedagogi khususnya memerlukan penaakulan dan tindakan menurut Shulman (1987) bagi menghasilkan pembelajaran bermakna. Kelemahan guru melaksanakan penaakulan dalam PdP Perakaunan di Malaysia adalah sangat berkait dengan pencapaian murid. Kelemahan penaakulan dan keprihatinan terhadap pendekatan pengajaran ini menyebabkan penurunan dalam pencapaian akademik murid (Tuan Mahyidin & Othman, 2020). Isu perubahan pedagogi yang drastik semasa Covid 19 memerlukan pedagogi pengajaran guru berubah sejajar dengan pelaksanaan PBK. Hal ini menyebabkan gangguan ketara kepada PdP Perakaunan (Nasu, 2021; Aguguom et al., 2020; Sangster et al., 2020). Tambahan pula, kurikulum Perakaunan melibatkan badan profesional berkenaan akreditasi pensijilan pendidikan (Sangster et al., 2020) dan penaakulan pedagogi dan tindakan guru semasa PBK perlu memenuhi standard profesional Perakaunan yang bersesuaian.

Kualiti pendidikan semasa pelaksanaan PBK adalah bergantung kepada kebolehan dan komitmen guru dalam membangunkan kerangka instruksional yang mampu memenuhi objektif pembelajaran dan sesuai dengan konteks pendidikan semasa (Rubtsova et al., 2023; Ramli & Abd Rahman, 2021). Kandungan dan pedagogi yang dibangunkan oleh guru untuk menyokong proses pembelajaran mesti boleh diakses oleh semua murid. Selain itu, kebolehcapaian pendidikan semasa PBK merupakan faktor penting dalam melaksanakan pendidikan digital dan keperluan guru untuk membuat keputusan pengajaran berdasarkan keperluan murid (Vahle et al., 2023). Perancangan berkaitan pendekatan dan kaedah, pelaksanaan, penilaian, refleksi dan maklum balas terperinci menjadi proses PdP amat penting semasa PBK kerana kekangan dalam komunikasi sebenar serta peluang untuk memberi maklum balas secara spontan melalui komunikasi lisan dan bukan lisan (Rubtsova et al., 2023; Sadic & Bavli, 2023).

Dalam konteks penyelidikan negara, kajian mengenai proses pertimbangan guru terhadap perubahan dalam bidang pendidikan masih kurang diberi perhatian (Philipa, 2018). Kajian Mesa (2019), Lim (2018), Santos (2017) dan Krueger (2016) mendapati hanya satu teori sahaja iaitu teori pertimbangan bagi meneroka pertimbangan secara umum dalam pendidikan selain kajian Nor'izah Ahmad (2017) memberi perhatian khusus berkaitan pertimbangan dalam perhubungan awam. Namun, dalam kontkes kajian ini, pengkaji menggunakan tambahan satu Model PPT daripada Shulman (1987) bagi meneroka penaakulan pedagogi iaitu cara pemikiran dan tindakan guru semasa pelaksanaan PBK. Hal ini membawa kepada cadangan agar lebih banyak kajian dilaksanakan dengan menggunakan teori pertimbangan (Weick, 1995; Weick et al., 2005) dan penaakulan pedagogi (Shulman, 1987) dalam pendidikan. Oleh

demikian, penyelidikan ini dilaksanakan bagi meneroka proses pertimbangan pedagogi guru Perakaunan semasa pelaksanaan PBK.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini adalah untuk meneroka proses membuat pertimbangan pedagogi guru Perakaunan semasa pelaksanaan PBK. Secara spesifik kajian ini adalah untuk memenuhi objektif berikut:

1. Meneroka asas membuat pertimbangan pedagogi guru Perakaunan semasa pelaksanaan PBK.
2. Meneroka penaakulan pedagogi guru Perakaunan semasa pelaksanaan PBK.
3. Meneroka ciri pertimbangan guru Perakaunan yang menyumbang kepada tindakan pedagogi semasa pelaksanaan PBK.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan tujuan kajian, terdapat tiga persoalan yang digariskan iaitu:

1. Apakah asas membuat pertimbangan pedagogi guru Perakaunan semasa pelaksanaan PBK?
2. Bagaimanakah penaakulan pedagogi guru Perakaunan semasa pelaksanaan PBK?
3. Bagaimanakah ciri pertimbangan guru Perakaunan menyumbang kepada tindakan pedagogi semasa pelaksanaan PBK?

1.6 Kepentingan Kajian

Dapatan kajian ini penting dan memberikan sumbangan kepada bidang ilmu pendidikan dan merapatkan jurang antara sorotan kajian sedia ada berkaitan

pertimbangan khususnya aspek pedagogi. Kajian berkaitan pertimbangan dalam bidang pendidikan kerap dilaksanakan di negara-negara barat seperti di Eropah dan terhad bagi konteks pendidikan di Malaysia. Tambahan pula, pengkaji lepas mencadangkan lebih banyak kajian dalam meneroka pertimbangan dalam bidang pendidikan. Sebagai contoh bagi mengenal pasti ciri pertimbangan dalam melaksanakan sebarang perubahan dengan meneroka bagaimanakah guru membuat pertimbangan semasa melaksanakan proses PdP. Kajian ini juga untuk meneroka secara lebih mendalam tentang penaakulan pedagogi guru melalui model (PPT) Shulman (1987) dan proses membuat pertimbangan pedagogi dalam kalangan guru Perakaunan berdasarkan ciri seperti pembinaan identiti, pengalaman lepas yang bermakna, persekitaran, sosial, berterusan, pengekstrakan isyarat dan munasabah semasa melaksanakan PBK. Hal ini dapat mengenal pasti proses membuat pertimbangan guru berdasarkan Teori Pertimbangan (Weick, 1995; 2005).

Kajian ini juga dapat menjelaskan kepada guru Perakaunan tentang asas pertimbangan dan proses penaakulan pedagogi dalam melaksanakan PBK. Selain itu, kerangka kajian ini dapat membantu guru meningkatkan kemahiran pedagogi dalam melaksanakan PBK. Dapatan ini juga mampu memberi kesedaran dan kefahaman tentang proses pertimbangan dan bagaimanakah guru Perakaunan membuat keputusan sebelum, semasa dan selepas PBK dilaksanakan. Dapatan ini juga bermakna kepada guru bagi memperkayakan kaedah pengajaran dalam masa yang sama, kajian ini membantu meningkatkan kualiti pengajaran guru bidang PLTV di sekolah. Melalui kerangka dapatan ini juga dapat memberi maklumat kepada guru tentang kepentingan melaksanakan PBK semasa bencana alam berlaku.

Kajian ini juga memberi maklumat kepada KPM dalam merancang strategi untuk memperkasakan PdP dalam talian melalui pengajaran guru. Strategi yang dirancang dan dirangka haruslah menekankan elemen pengetahuan, kepercayaan, konteks sosial dan persekitaran agar guru mempunyai komitmen yang tinggi terhadap pengajaran. Selain itu, kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan dan rujukan kepada pengkaji akan datang tentang PBK dengan lebih jelas. Kerangka konseptual kajian juga boleh dijadikan sebagai asas kepada kajian-kajian lanjutan pada masa hadapan. Hasil kajian ini diharap mampu memberi nilai tambah terhadap kemahiran pedagogi guru Perakaunan dalam mempelbagaikan amalan pengajaran sedia ada.

1.7 Skop Kajian dan Limitasi Kajian

Kajian ini melibatkan guru Perakaunan di Negeri Sembilan yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi 10 tahun sehingga tahun 2020. Pemilihan guru berdasarkan pengalaman ini kerana guru-guru mempunyai keunikan dalam melaksanakan kedua-dua jenis pendekatan iaitu PdP secara fizikal dan PdP dalam talian semasa PBK. Pemilihan Negeri Sembilan adalah berdasarkan kepada pencapaian Gred Purata Negeri (GPN) dan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) Perakaunan dalam SPM 2017-2022 menunjukkan negeri ini adalah antara negeri terbaik secara berturut-turut. Walaupun pandemik Covid-19 melanda Malaysia pada Mac 2020 melalui laporan Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) namun Negeri Sembilan tetap mengekalkan pencapaian GPN dan GPMP terbaik antara semua negeri di Malaysia. Oleh yang demikian, pengkaji mengkaji tentang proses membuat pertimbangan guru Perakaunan ini semasa pelaksanaan PBK di Negeri Sembilan.

Seterusnya, pendekatan penyelidikan ini secara kualitatif melalui kajian kes pelbagai tempat dilakukan bagi mencapai objektif kajian. Teknik utama bagi pengumpulan data adalah temu bual semi berstruktur dengan disokong oleh analisis kandungan dokumen dan rakaman audio visual. Oleh kerana penyelidikan ini menggunakan reka bentuk kualitatif, maka dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada seluruh populasi guru Perakaunan di Malaysia. Namun, kajian ini berupaya untuk memberi manfaat kepada situasi yang mempunyai ciri-ciri yang hampir sama.

Kajian ini juga hanya menggunakan Teori Pertimbangan (Weick, 1995; Weick et al., 2005) dan Model Penaakulan Pedagogi dan Tindakan (Model PPT) Shulman (1987) sebagai panduan dalam meneroka proses membuat pertimbangan pedagogi guru Perakaunan semasa pelaksanaan PBK. Penerokaan dijalankan terhadap asas dalam membuat pertimbangan (Weick, 1995; Weick et al., 2005) melalui kepercayaan dan tindakan. Penerokaan dijalankan terhadap penaakulan pedagogi guru semasa pelaksanaan PBK iaitu aspek pemahaman, transformasi, pelaksanaan, penilaian, refleksi dan pemahaman baharu. Seterusnya, kajian ini meneroka tujuh ciri dalam membuat pertimbangan iaitu i) pembinaan identiti, ii) pengalaman lepas bermakna, iii) persekitaran, iv) sosial, v) berterusan, vi) pengekstrakan isyarat dan vii) munasabah yang menyumbang kepada tindakan pedagogi guru.

Selain itu, terdapat tiga limitasi dalam menjalankan kajian ini. Pertama, adalah maklumat yang diperoleh melalui hasil kajian ini adalah bergantung sepenuhnya kepada kejujuran peserta kajian untuk menjawab kesemua persoalan kajian. Kedua, pengkaji memerlukan masa yang panjang bagi merancang penyelidikan ini bermula daripada fasa memohon kebenaran menjalankan kajian dan membina hubungan yang

baik antara pengkaji dengan peserta kajian sehingga fasa pelaksanaan iaitu fasa pengumpulan data. Seterusnya, limitasi ketiga adalah proses pengumpulan data temubual menggunakan medium dalam talian iaitu aplikasi *Zoom* dan *Google Meet* adalah bergantung kepada capaian Internet yang baik.

1.8 Definisi Istilah

Beberapa istilah digunakan sepanjang menjalankan kajian ini. Istilah ini didefinisikan secara konseptual dan operasional mengikut konteks kajian bagi memudahkan proses pemahaman dan perkaitannya dalam perbincangan.

1.8.1 Pedagogi

Pedagogi merujuk kepada pendekatan pengajaran (Zawiah Bahrom, 2020). Menurut konteks kajian ini, pedagogi bermaksud pendekatan guru Perakaunan atau cara guru mengajar semasa PBK.

1.8.1.1 Penaakulan pedagogi

Penaakulan merupakan keupayaan atau kemampuan untuk berfikir, cara berfikir yang rasional dan tumpuan perhatian kepada pemilihan serta memahami kesannya (Ainuddin, 2018) dan aspek berfikir merangkumi pemahaman, transformasi, pengajaran, penilaian, refleksi dan pemahaman baharu (Shulman, 1987). Penaakulan pedagogi dalam konteks kajian ini merujuk kepada cara berfikir guru Perakaunan yang merangkumi aspek pemahaman, transformasi, pengajaran, penilaian, refleksi dan pemahaman baharu semasa pelaksanaan PBK.

1.8.1.2 Tindakan Pedagogi

Tindakan pedagogi merupakan tindak balas guru secara konsisten merangkumi kemahiran asas pengajaran, pengetahuan kandungan dan kemahiran asas pedagogi (Shulman, 1987). Tindakan pedagogi dalam konteks kajian ini merujuk kepada tindak balas yang dilaksanakan oleh guru Perakaunan semasa pelaksanaan PBK.

1.8.2 Pertimbangan

Pertimbangan merupakan cara berfikir seseorang dalam memberi makna daripada pengetahuan, pengalaman, nilai dan kepercayaan bagi mentafsir sesuatu perkara baharu yang berlaku (Coburn, 2005, 2001; Weick, 1995) dan cara produktif bagi menganalisis tentang bagaimanakah seseorang berfikir tentang isu baharu dengan memberi makna terhadap situasi dan persekitaran tersebut (Allen & Penuel, 2015). Kajian ini meneroka tentang cara berfikir guru Perakaunan untuk membuat keputusan semasa pelaksanaan PBK.

1.8.2.1 Asas Pertimbangan

Pertimbangan mempunyai dua asas iaitu pertimbangan berasaskan kepercayaan dan pertimbangan berasaskan tindakan (Weick, 1995). Asas kepercayaan merujuk kepada penghujahan dan jangkaan, manakala asas tindakan merujuk kepada tindakan yang komited atau membuat manipulasi terhadap sesuatu perubahan (Weick, 1995). Melalui konteks kajian ini, asas pertimbangan diteroka secara khusus bagi mengenal pasti kepercayaan dan tindakan guru Perakaunan semasa pelaksanaan PBK.

1.8.2.2 Ciri Pertimbangan

Tujuh ciri pertimbangan yang dikemukakan oleh (Weick, 1995) iaitu pembinaan identiti, imbas kembali pengalaman bermakna, persekitaran, sosial, berterusan, pengekstrakan isyarat dan munasabah. Dalam konteks kajian ini, ciri pertimbangan guru iaitu bagaimanakah guru Perakaunan memahami, mentafsir dan membuat keputusan berdasarkan tujuh ciri pertimbangan untuk melakukan tindakan pedagogi semasa PBK.

Pembinaan Identiti

Pembinaan identiti menjelaskan siapa seseorang dalam memahami diri berhubung dengan keadaan sekitar dan peranan seseorang terhadap keadaan yang berlaku (Weick, 1995). Melalui konteks kajian, pembinaan identiti guru Perakaunan diterokai melalui peranan guru semasa pelaksanaan PBK.

Imbas Kembali

